

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



AirAsia X, seperti juga MAS turut mencatatkan kerugian di dalam laporan suku kewangannya yang terkini, menggambarkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri penerbangan sebenarnya melangkaui isu-isu domestik. Seperti biasa, kos kakitangan, kos minyak pesawat dan caj-caj kewangan merupakan penentu utama bagi keputusan prestasi kewangan syarikat penerbangan. Apa yang nyata daripada kerugian yang dialami di dalam suku kewangan ini adalah betapa pentingnya untuk memastikan kos dapat diurus dengan sebaik mungkin dan mengambil langkah berhati-hati di dalam keadaan yang tidak menentu ini.

Menyentuh perkembangan lain yang lebih positif, pengambilalihan Jobstreet oleh Seek Ltd dialu-alukan oleh pelbagai pihak, terutamanya oleh pemegang-pemegang saham Seek Ltd yang berpangkalan di Australia. Berikutan berita tersebut, yang akan melihat Seek memiliki 75 peratus kepentingan di dalam gabungan entiti JobsDB/JobStreet, harga saham Seek telah melonjak sehingga kira-kira 18 peratus. Ini jelas menggambarkan sokongan terhadap potensi pemilikan di dalam dua pemain utama pasaran perniagaan dalam talian di Asia.

Manakala bagi Jobstreet, pengambilalihan oleh Seek ini merupakan kemuncak pertumbuhan syarikat dari tahun ke tahun dan pengurusan kos yang berhemat. Kumpulan pengasas Jobstreet berhak menikmati kejayaan ini dan ia juga merupakan teladan baik bahawa Malaysia sebenarnya mampu membina perniagaan bertaraf dunia jika diuruskan dengan sempurna.

Salam,

Rita

---

## PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

### ***MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING HOLDINGS BERHAD (“MMHB”)***

Menurut penzahiran di dalam prospektus MMHB bertarikh 6 Oktober 2010 (“Prospektus”) yang diterbitkan sempena penyenaaran MMHB di Bursa Malaysia, syarikat telah meraih dana kasar sebanyak kira-kira RM980.780 juta daripada tawaran awam permulaan (IPO).

Pada April 2012, Lembaga Pengarah MMHB telah meluluskan variasi bagi penggunaan dana hasil IPO tersebut yang telah diumumkan kepada Bursa Malaysia pada 4 April 2012 seperti berikut: -

#### **Ringkasan variasi penggunaan dana hasil IPO**

RM393.433 juta daripada RM833.780 juta yang pada asalnya diperuntukkan bagi Program Pengembangan Limbungan Kapal akan digunakan bagi pengambilalihan limbungan fabrikasi Pasir Gudang oleh anak syarikat milik penuh MMHB, Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd daripada Sime Darby Engineering Sdn Bhd (“SDE”).

Sehingga 21 Februari 2014, syarikat masih belum lagi menggunakan dana sebanyak RM110 juta yang diperuntukkan bagi perbelanjaan modal di Turkmenistan yang akan luput pada 29 Oktober 2014, iaitu dalam tempoh 48 bulan daripada tarikh penyenaian MMHB.

Mengambil kira perkara di atas, Lembaga Pengarah telah pada 21 Februari 2014 meluluskan pengagihan semula dana hasil IPO yang masih belum digunakan sebanyak RM110 juta untuk digunakan bagi Program Pengembangan Limbungan Kapal memandangkan syarikat tidak mempunyai rancangan untuk menambah pelaburan di Turkmenistan dalam masa terdekat. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pengagihan semula penggunaan dana hasil IPO tersebut adalah untuk kepentingan terbaik syarikat.

Variasi di dalam penggunaan dana hasil IPO tersebut tidak tertakluk kepada kelulusan pihak kawal selia atau pemegang saham syarikat.

#### **KOMEN MSWG:**

Variasi dan pengagihan semula bagi penggunaan dana hasil IPO mungkin berlaku di dalam entiti perniagaan berikutan perubahan keadaan atau rancangan perniagaan. Apa yang penting adalah ketelusan syarikat dan sebarang variasi perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan semua pemegang saham.

#### ***PARKSON HOLDINGS BERHAD (“PHB”)***

Ketua Pegawai Eksekutif Parkson Retail Group Ltd (“PRGL”), Tan Hun Meng telah meletakkan jawatan berkuatkuasa 1 Mac 2014 tetapi akan kekal sebagai ahli Lembaga Pengarah syarikat. Pada masa yang sama PRGL kini mengalami prestasi kewangan yang merosot. Lembaga Pengarah PRGL telah melantik Chong Sui Hiong sebagai Ketua Pegawai Eksekutif interim PRGL berkuatkuasa 1 Mac 2014 sehingga syarikat selesai melaksanakan proses pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif yang baru bagi PRGL.

PRGL telah melaporkan kerugian bersih sebanyak RMB5 juta (kira-kira RM2.69 juta) bagi suku ke-4 tahun kewangan 2013, berbanding keuntungan bersih suku ke-4 tahun kewangan 2012 sebanyak RMB178 juta. Kerugian tersebut disebabkan terutamanya oleh saingan sengit, kos yang meningkat berikutan pembukaan gedung-gedung beli-belah yang baru, margin rendah daripada gedung-gedung baru dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di China. Kadar pertumbuhan gedung beli-belah PRGL merosot 1.8% di dalam tahun kewangan 2013.

PRGL, yang merupakan anak syarikat 51% milik PHB, menyumbangkan kira-kira 67% perolehan dan 78% keuntungan bersih kepada Kumpulan PHB bagi tahun kewangan 2013.

## **KOMEN MSWG:**

Pihak pengurusan PRGL telah mengambil beberapa langkah untuk menangani kemerosotan prestasi perniagaan unit PHB di China, yang telah merosot sejak setahun yang lalu dengan mengembangkan perniagaannya ke bandar-bandar tahap kedua dan ketiga di China, melakukan pengubahsuaian gedung-gedung utamanya dan menyusun semula strategi model perniagaan kepada model struktur Amanah Pelaburan Hartanah (REIT).

Walaupun bagaimanapun, perletakan jawatan Ketua Pegawai Eksekutifnya mungkin bukan pada masa yang sesuai, dan pemegang saham mungkin risau sama ada Kumpulan telah mengambil langkah-langkah efektif untuk menyusun semula model perniagaan Kumpulan. Ini memandangkan mungkin terdapat kekurangan pengalaman di dalam menguruskan pembangunan hartanah dan mengambilkira gelagat pengguna di China yang secara beransur-ansur beralih kepada pembelian atas talian berbanding di gedung beli-belah yang mungkin memberi impak terhadap struktur perniagaan gedung beli-belah.

---

## **Penganalisa MSWG**

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat [chongcf@mswg.org.my](mailto:chongcf@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat [nghh@mswg.org.my](mailto:nghh@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan [shahnul.niza@mswg.org.my](mailto:shahnul.niza@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*